

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**SOALAN NO. 421**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes wabak Denggi yang telah dikesan berlaku dan kematian di negeri Perak dari tahun 2015 sehingga akhir bulan Mei 2019. Sila nyatakan pecahan mengikut statistik pecahan daerah masing-masing.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2015, sebanyak 9,466 kes denggi dan 10 kematian telah dilaporkan di negeri Perak dan pada tahun 2016, jumlah kes berkurang kepada 3,777 namun jumlah kematian meningkat kepada 25. Pada tahun 2017, peningkatan kes telah berlaku kepada 5,411 kes dengan kematian sebanyak 12 kes. Pada tahun 2018, kes mengalami tren penurunan kepada 2,736 dengan enam (6) kematian. Pada tahun ini sehingga bulan Mei 2019, sebanyak 1,431 kes dan dua (2) kematian telah dicatatkan di negeri Perak.

Bagi bilangan wabak di negeri Perak, sebanyak 906 episod wabak telah dilaporkan pada tahun 2015 melibatkan sembilan (9) daerah di mana daerah Kinta mencatatkan episod wabak tertinggi iaitu sebanyak 760 episod. Pada tahun 2016, sebanyak 308 episod wabak telah dilaporkan, 521 episod wabak pada tahun 2017 dan 143 episod wabak pada tahun 2018. Pada tahun ini sehingga Mei 2019, sebanyak 113 episod wabak telah dilaporkan. Sekian, terima kasih.